

# **TATACARA KISWA MUNAKAHAT**

## **A. PERATURAN AM**

1. Pemohon hendaklah mempunyai akaun Sarawak ID sebelum mengisi permohonan. Jika pemohon belum mempunyai sebarang akaun Sarawak ID, pemohon hendaklah mendaftar akaun Sarawak ID di laman yang telah tersedia.

2. Borang permohonan boleh diisi seawal-awalnya 180 hari dari tarikh cadangan akad nikah atau selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh akadnikah.

3. Borang permohonan hanya akan diproses setelah dokumen lampiran lengkap di muatnaik ke dalam permohonan dan pengesahan permohonan dibuat di pejabat agama islam bahagian yang ditetapkan.

4. Pemohon boleh mengisi borang permohonan nikah secara online dengan menggunakan akses internet.

5. Permohonan yang dibuat secara online hanya akan diproses apabila pemohon melaksanakan proses-proses seperti di dalam tatacara permohonan berikut :-

## B. TATACARA PERMOHONAN

# SECARA ONLINE

Log masuk menggunakan akaun Sarawak ID

Lengkapkan maklumat akad nikah, pemohon lelaki, pemohon perempuan dan wali

Hadir ke pejabat dengan membawa dokumen lampiran asal bagi tujuan pengesahan permohonan

Bukti pembayaran hendaklah dikemukakan kepada desk officer bagi tujuan pencetakan borang kebenaran kahwin

1

Menyediakan dokumen lampiran seperti dalam senarai di bahagian C

2

3

Pilih jenis permohonan berdasarkan keterangan di bahagian D.

4

5

Dokumen lampiran berdasarkan senarai semak yang ditetapkan hendaklah diimbas (scan) dan dimuatnaik (saiz setiap dokumen tidak melebihi 5MB)

6

7

Cetak dan tandatangan borang permohonan untuk dikumpulkan bersama dokumen lampiran lain

8

9

Membuat pembayaran bagi pengeluaran borang kebenaran berkahwin

10

11

Setelah upacara akad nikah dijalankan pemohon hendaklah menghantar dokumen maklumat akad nikah ke pejabat agama islam bahagian dan membuat pembayaran bagi pengeluaran surat perakuan nikah.

No slip bayaran hendaklah dikemukakan bagi tujuan pencetakan surat asal perakuan nikah dikemukakan.



C

# DOKUMEN LAMPIRAN



Gambar ukuran pasport  
(1 keping lelaki/ 1 keping perempuan)

MyID Pemohon Lelaki

MyID Pemohon Perempuan

MyID Pemohon Wali

Surat Asal Perakuan Nikah  
Ibu Bapa Perempuan



Sijil lahir pemohon perempuan

Sijil Kursus Pra Perkahwinan ATAU  
Slip Pernyataan Lulus Temuduga Nikah

Borang 1B Pengesahan Status Perkahwinan  
(boleh dimuat turun melalui portal KISWA)

Borang 1C Persetujuan Wali  
(boleh dimuat turun melalui portal KISWA)

C

# DOKUMEN LAIN

(JAKAPERLU)



MyID Bapa/ Ibu/ Penjaga Pengantin Lelaki  
(lelaki bawah umur)

MyID Bapa/ Ibu/ Penjaga Pengantin Perempuan  
(perempuan bawah umur)

Surat Cerai Ibu Bapa Perempuan  
(Jika Ibu Bapa bercerai)

Sijil Lahir Wali  
(Jika Wali Selain Bapa)

Sijil Kematian Bapa  
(Jika Wali Selain Bapa)

Surat Asal Perakuan Cerai Duda

Surat Asal Perakuan Cerai Janda

Sijil Cabutan Kematian suami

Sijil Cabutan Kematian isteri

Surat Perakuan Memeluk Agama Islam

C

# DOKUMEN LAIN

(JAKAPERLU)



Kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tentera

Kelulusan daripada Pihak Berkuasa Polis

Surat Asal Kebenaran Berkahwin  
Warganegara Asing dari Konsulat/  
Kedutaan Negara luar

Borang Permohonan Berkahwin Warganegara  
Asing dari Jabatan Imigresen Putrajaya

Kebenaran Nikah dari pihak berkuasa  
agama dalam Malaysia selain Sarawak

Surat Pengesahan Doktor  
(Bapa hilang akal)

Surat Akuan Bersumpah  
(Bapa Murtad)

# D. JENIS-JENIS PERMOHONAN PERKAHWINAN

## PERMOHONAN NIKAH DALAM BAHAGIAN DAN LUAR SARAWAK

**Pemohon lelaki dan pemohon perempuan** berasal dari **bahagian yang sama** dan *bercadang untuk berkahwin di dalam bahagian yang sama*.

- Contoh :

Pemohon perempuan berasal dari Kuching dan pemohon lelaki juga berasal dari Kuching. Pasangan ini bercadang untuk berkahwin di Kuching.

**Pemohon perempuan** yang berasal **dari** atau **luar Sarawak** dan telah **bermastautin** di Sarawak dan *bercadang untuk berkahwin di kawasan pemohon lelaki iaitu di luar Sarawak*.

- Contoh :

Pemohon perempuan berasal dari Kedah dan telah bekerja selama 2 tahun di Hospital Umum Sarawak dan bercadang untuk berkahwin di Kedah



## PERMOHONAN NIKAH ANTARA BAHAGIAN DALAM SARAWAK

**Pemohon lelaki dan pemohon perempuan** berada di dalam **bahagian yang berbeza** dan pemohon perempuan *bercadang untuk berkahwin di bahagian lelaki*.

- Contoh :

Pemohon perempuan berasal dari Kuching dan pasangannya berasal dari Samarahan. Pasangan ini bercadang untuk berkahwin di Samarahan iaitu kawasan pengantin lelaki.

## PERMOHONAN NIKAH KENYATAAN PENDAFTAR

**Pemohon lelaki** bermastautin di **bahagian atau negeri yang berbeza** dari pemohon perempuan dan pemohon lelaki *bercadang untuk berkahwin di bahagian perempuan*.

- Contoh :

Pemohon perempuan berasal dari Kuala Lumpur dan pasangannya berasal dari Kuching. Pasangan ini bercadang untuk berkahwin di negeri pengantin perempuan iaitu di Kuala Lumpur.